

4.6 LAWATAN NAIB CANSELOR KE PEJABAT PENDAFTAR

Disediakan oleh: En. Alimin Awang Ali, Pembantu Tadbir (P/O)



Bersempena dengan pelantikan baharu Naib Canselor UMS yang ke-4 iaitu Prof. Dr. Harun Abdullah, Jabatan Pendaftar telah mengadakan Sesi Taklimat dan lawatan khas Naib Canselor ke Jabatan Pendaftar pada 21 Jun 2012 jam 10.00 pagi yang bertempat di Pejabat Pendaftar, Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori, UMS.

Sesi taklimat ringkas berkenaan fungsi, pencapaian dan matlamat baharu Jabatan Pendaftar telah disampaikan sendiri oleh Y.Bhg. Mej. (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said, Pendaftar UMS di dalam bilik mesyuarat utama Jabatan Pendaftar dengan dihadiri oleh semua Ketua Bahagian dan pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftar.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati sebagai penghargaan di atas kesudian Naib Canselor meluangkan masa untuk lebih mengenali Jabatan Pendaftar yang juga merupakan salah satu nadi utama di dalam pentadbiran universiti selama ini. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dan disudahi dengan sesi ramah mesra antara Y.Bhg. Naib Canselor dengan semua kakitangan Pejabat Pendaftar.